

Realisasikan matlamat **bela** **nasib OKU**

Agenda memperkasakan institusi masyarakat termasuk meningkatkan kesejahteraan kanak-kanak berkeperluan khas, warga emas dan golongan orang kurang upaya (OKU), seharusnya dilakukan berterusan.

Kanak-kanak yang berumur 13 hingga bawah 18 tahun dan tinggal di institusi kebajikan, umpamanya wajar diberi peluang mendapat pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional atau TVET.

Pengarah PERMATA Kurnia, Jabatan Perdana Menteri, Prof Madya Dr Hasnah Toran, berkata usaha kerajaan memperbanyakkan pusat penjagaan kanak-kanak berkeperluan khas dalam RMKe-11, disambut baik seiring keperluan memastikan golongan sasaran tidak dipinggirkan dalam menikmati kemajuan negara.

"Golongan ini bukan hanya dijaga, tetapi pentadbir perlu pastikan mereka mampu berdikari, ada pelajaran dan pekerjaan.

Tambah kemudahan

"Keperluan dan kemudahan pusat jagaan harian warga emas perlu ditambah. Golongan itu dijaga dengan baik dengan menyediakan pelbagai aktiviti bersesuaian dengan usia mereka supaya dapat menjalani kehidupan lebih berkualiti," katanya.

Pada masa sama, kebajikan golongan orang kurang upaya (OKU) sewajar dipertingkatkan dengan memperbanyakkan prasarana bagi memudahkan mereka menjalani kehidupan lebih sempurna dan berpeluang menikmati pendidikan, latihan kemahiran dan keusahawanan.

Justeru, penambahan tujuh pusat kehidupan berdikari untuk memberi manfaat kepada 11,000 OKU sebagai langkah terbaik merealisasikan objektif berkenaan.



**“
Golongan
ini bukan
hanya dijaga,
tetapi pentadbir
perlu pastikan
mereka mampu
berdikari, ada
pelajaran dan
pekerjaan”**

Hasnah Toran,
Pengarah PERMATA
Kurnia, Jabatan
Perdana Menteri



Agenda pembangunan negara terus memberi perhatian khusus kepada golongan OKU.